

USAHAWAN GLOBAL

»Siswa UMP
berniaga tudung ◦ V10

»Belajar bahasa
di Korea Selatan ◦ V7

SUKAN

»4 pelajar UPM
sertai Sukan
Olimpik ◦ V16

Tutor UMS harumkan nama negara di AS

BT 09.08.2012 VI

Tutor Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya meraih lapan pingat dan dua anugerah khas dalam Kejohanan Seni Persembahan Dunia 2012 di Hollywood, California, Amerika Syarikat, baru-baru ini.

Tenaga pengajar program tarian Sekolah Pengajian Seni itu, Tang Sook Kuan memperoleh semua pingat terbabit menerusi lima acara yang disertai termasuk dua pingat emas dalam tarian duet untuk kategori etnik dan tarian terbuka.

Dengan aksi tarian penuh disiplin dan memukau beliau berjaya menewaskan peserta daripada 40 buah negara untuk dinobatkan sebagai juara bagi kedua-dua kategori berkenaan.

Lima pingat perak pula diperoleh melalui tarian lirikal duet, tarian solo etnik, tarian solo teater muzikal, jazz solo dan tarian solo terbuka.

